

23/08/2003

Penyelesaian tuntutan Limbang semakin cerah

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

PUTRAJAYA: Isu tuntutan bertindih Malaysia-Brunei ke atas Limbang semakin hampir kepada penyelesaian apabila kedua-dua pemimpin tertinggi negara percaya ia dapat diselesaikan dalam situasi menang-menang tanpa menjejaskan hubungan baik kedua-dua negara.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Sultan Hassanah Bolkiah memberikan komitmen untuk mencapai keputusan yang memberi manfaat kepada kedua-dua negara.

Komitmen itu disuarakan kedua-dua pemimpin dalam pertemuan empat mata ketika kunjungan hormat Sultan Brunei terhadap Dr Mahathir di Pejabat Perdana Menteri, di sini semalam.

Baginda dalam siri lawatan kerja empat hari mulai kelmarin. Lawatan berkenaan diadakan sempena mesyuarat rundingan tahunannya dengan Perdana Menteri.

Syed Hamid berkata, keikhlasan kedua-dua pemimpin mencari penyelesaian menunjukkan keakraban kedua-dua negara yang menjadi perkara utama untuk dikekalkan dalam hubungan Malaysia dan Brunei.

"Kita sudah semakin hampir kepada penyelesaiannya, tetapi perkara akhir sememangnya menjadi satu bahagian yang paling sukar.

"Jadi, kita akan tunggu sehingga Brunei rasa selesa dengan cadangan yang kita kemukakan sebelum ini. Kita juga ingin menjaga kepentingan (maritim) negara dan kita sudah memberi ruang untuk disesuaikan (dengan kepentingan Brunei)," katanya.

Malaysia dan Brunei sudah mengadakan dua siri rundingan peringkat pegawai bagi menyelesaikan kes tuntutan bertindih sempadan laut dan darat membabitkan Limbang.

Satu cadangan formula penyelesaian juga sudah dikemukakan Malaysia untuk pertimbangan Kerajaan Brunei sebelum ini.

Malah, dalam pertemuan Perdana Menteri dengan Sultan Brunei pada Mei lalu, Dr Mahathir melahirkan harapan isu berkenaan diselesaikan sebelum persaraannya pada Oktober depan.

Mengulas lanjut, Syed Hamid berkata, Malaysia masih lagi menunggu maklum balas dari Brunei terhadap formula cadangan yang dikemukakan itu dan terpulang kepada Brunei sama ada masih merasakan rundingan peringkat pegawai diperlukan.

Ditanya sama ada kerja di kawasan maritim terbabit perlu dihentikan kedua-dua negara, beliau berkata:

"Ada sesetengah kawasan yang Malaysia sudah mulakan (kerja) tetapi dihentikan. Begitu juga Brunei kerana kebiasaannya, di mana ada kawasan tuntutan bertindih, kedua-dua negara tidak akan meneruskan sebarang kerja sehingga satu keputusan dapat dicapai."

Limbang di utara Sarawak yang lokasinya diapit antara daerah Brunei-Muara dan daerah Temburong (ke arah Sabah) adalah antara kawasan yang sering dipersoalkan setiap kali masalah sempadan Malaysia-Brunei dibangkitkan.

Tuntutan bertindih terhadap daerah Limbang dibangkitkan Brunei sejak berpuluh-puluh tahun lalu.

Limbang seluas 3,978 kilometer persegi didiami penduduk Melayu, Lun Bawang, Cina, Kedayan, Iban, Bisaya, Kelabit, Tagal dan Penan.

Wilayah itu menjadi sebahagian daripada Sarawak ketika pemerintahan Charles Brooke pada 1890. Apabila Sarawak mencapai kemerdekaan dan menjadi

sebahagian daripada Malaysia pada 1963, Limbang kekal sebagai sebahagian negeri itu.